

MINIT DIALOG ISU-ISU OPERASI

DI ANTARA LHDNM NEGERI SARAWAK BERSAMA MIA / CTIM

Tarikh : 15 Oktober 2015 (Khamis)
Masa : 9.30 pagi – 11.45 pagi
Tempat : Bilik Seroja, Aras 10, Wisma Hasil , Kuching

Kehadiran :

WAKIL LHDNM SARAWAK

1. Cik Ramlot bt Keli Pengarah Negeri Sarawak
2. En. Lim Kien Thai Pengarah Cawangan Kuching
3. En. Sawing Kri Pengarah Cawangan Sibul
4. Cik Zurol Ainie Mohamad Diyar Pengarah Cawangan Bintulu
5. En. Toh Yong Lai Pengarah Cawangan Miri
6. En. Abang Ehsan bin Abang Abu Bakar Pengarah Cawangan Siasatan Miri
7. En. Zainol Abd Rahman Pengarah Bahagian Penyelarasan, PPN Sarawak
8. En. Yusof Abdul Talib Timbalan Pengarah Cawangan Kuching
9. En. Mohamad Hamzah Timbalan Pengarah Cawangan Siasatan Kuching
10. En. Wahab Taha Ketua Penolong Pengarah Cawangan Kuching
11. Pn. Smih @ Meni Bugik Ketua Penolong Pengarah Cawangan Kuching
12. En. Ling Hiang Hua Ketua Penolong Pengarah Cawangan Kuching
13. Cik Dayang Zubaidah Abang Tai Ketua Penolong Pengarah Cawangan Kuching
14. Datin Norliza Abd Wahab Penolong Pengarah PPN Sarawak (Urusetia)
15. Pn. Siti Aida Rosmaryanti Yahya Customer Care Officer , PPN Sarawak (Urusetia)

16. Cik Mariam Lee Penolong Pegawai Hasil PPN Sarawak (Urusetia)

WAKIL PERSATUAN SARAWAK

1. En. Wong King Yu Chairman of MIA Sarawak Regional Committee
2. En. Kenny Chong Manager of CTIM Sarawak Branch
Tn. Hj Wan Idris Wan Ibrahim Vice Chairman of MIA Sarawak Regional Committee
3. Pn. Eleanor Shim Member of MIA Sarawak Regional Committee
4. En. Teo Kin Ma Member of MIA Sarawak Regional Committee
5. Pn. Jenny Wong Manager of MIA Sarawak Regional Committee
6. En. Yong King Sung Manager of MIA Sarawak Regional Committee
7. Pn. Lee Lee Kiaw Wakil Crowe Horwath
8. Pn. Jacqueline Lim Poh Ling Wakil Crowe Horwath
9. Pn. Yap San San Senior Manager, Tax of Crowe Horwath
10. Pn. Chai Suk Phin Wakil Deloitte
11. Pn. Anne Chong Wakil Ernst & Young
12. En. David Kho Wakil Ernst & Young
13. Pn. Catherine Ting Ing Hieng Wakil KPMG
14. Pn. Carmen Foong Wakil KPMG
15. En. Philip Lim Su Sing Wakil CTIM
16. Pn. Farehan Hussin Wakil CTIM

1. UCAPAN PENDAHULUAN Pengerusi

- 1.1 Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan selamat datang serta mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat daripada Persatuan Akauntan dan Pengamal Percukaian dan pegawai-pegawai kanan LHDNM ke majlis dialog untuk Tahun 2015. Beliau memperkenalkan diri sebagai Pengarah Negeri Sarawak yang baru dilantik mulai Tahun 2015 bagi menggantikan YBhg. Datin Josephine John yang telah bersara . Beliau berharap semoga objektif sesi dialog ini dapat meningkatkan jalinan hubungan kerjasama yang akrab untuk membincangkan isu-isu yang timbul bagi kepentingan bersama tercapai.
- 1.2 Pengerusi seterusnya mempersilakan ahli-ahli mesyuarat yang terdiri daripada pegawai-pegawai LHDNM, wakil-wakil daripada Persatuan Akauntan dan Pengamal Percukaian untuk memperkenalkan diri dan jawatan masing-masing.
- 1.3 Pengerusi menjelaskan pendirian LHDNM mengenai kepentingan peranan yang perlu dimainkan oleh Persatuan Akauntan dan Pengamal Percukaian dengan pembayar cukai. Ini adalah kerana mereka selalu berhubung dan berurusan dengan pembayar cukai bagi memastikan tanggungjawab sebagai pembayar cukai dilaksanakan dengan betul. Persatuan Akauntan dan Pengamal Percukaian serta pembayar cukai perlu memainkan peranan masing-masing dalam memastikan tahap pematuhan cukai yang tinggi bagi menjaga kepentingan kerajaan dan negara. LHDNM memerlukan kerjasama daripada Persatuan Akauntan dan Pengamal Percukaian untuk memberi penerangan kepada pelanggan mereka berhubung sistem percukaian dan penyampaian perkhidmatan baharu yang diperkenalkan untuk kemudahan pembayar cukai dan juga menangani isu-isu yang dibangkitkan oleh pembayar cukai. Kerjasama

ini akan menghasilkan satu mekanisme yang berkesan bagi menangani sebarang isu berbangkit secara efektif dan konstruktif.

- 1.4 Pengerusi turut memaklumkan LHDNM akan mempercepatkan tindakan membuat keputusan terhadap rayuan-rayuan yang dikemukakan oleh pembayar cukai. Dengan itu pihak persatuan diharap dapat memberikan penerangan kepada pelanggan mereka tentang kepentingan mengemukakan dokumen dan maklumat yang dikehendaki oleh LHDNM untuk menyelesaikan kes rayuan dengan segera.
- 1.5 Seterusnya, Pengerusi turut memaklumkan beberapa perkara seperti berikut :
 - 1.5.1 Pemencaran fail-fail C untuk syarikat ke cawangan – cawangan
 - 1.5.2 Penghantaran BNCP untuk fail-fail C diwajibkan (*mandatory*) melalui e-filing.
 - 1.5.3 Pembayaran Cukai Melalui ByrHasil dan Kad Kredit
 - 1.5.4 e-Kemaskini untuk pembayar cukai syarikat dan individu
 - 1.5.5 e-Borang Nyata Terpinda Syarikat (e-BNT C)
 - 1.5.6 Pelaksanaan Ezpay Cukai Individu dan Syarikat Bagi Pemegang Kad Maybank Visa, Mastercard & American Express (e-Commerce)
 - 1.5.7 e-Daftar Majikan
 - 1.5.8 Keperluan Semakan Untuk Pengesahan Nama-Nama Pegawai/Pekerja Kepada Ejen Cukai Di Bawah Kelulusan Seksyen 153(3) ACP 1967 Yang Berurusan Dengan Pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) melalui Sistem Pendaftaran Sijil Digital (SPSD) yang didaftarkan melalui TAeF.

2. PERBINCANGAN ISU-ISU DIBANGKITKAN OLEH PERSATUAN AKAUNTAN / EJEN CUKAI

2.1 Issues related to completion of Form C 2015

a. Commencement date

For company which had been in operation for a number of years and for those which had changed tax agent, tax agent will have problem in tracing the commencement date. Can we suggest that only the newly incorporated company which had commenced business to complete this section?

Jawapan LHDNM

- i. Penambahan ruangan 'Tarikh mula beroperasi' mulai Tahun Taksiran 2015 adalah disebabkan banyak syarikat yang tidak mengisi maklumat tersebut sebelum ini ataupun maklumat yang diisi didapati tidak betul. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia berharap agar semua syarikat akan memberi kerjasama dengan mengisi ruangan ini terutamanya dalam BNCP Tahun Taksiran 2015.
- ii. Syarikat yang telah mengemukakan maklumat ini dalam BNCP bagi sesuatu tahun taksiran tidak perlu lagi mengisi ruangan tersebut bagi tahun-tahun taksiran selepas itu. Sekiranya ejen cukai bertukar, ejen cukai yang baru perlu mendapatkan maklumat tersebut daripada pembayar cukai.

b. Dormant company

Can this be left blank if company has yet commenced trading? Will that be considered as incomplete return form?

Jawapan LHDNM

- i. Bagi syarikat yang pernah beroperasi tetapi kini dorman, tarikh untuk diisi adalah tarikh ia mula beroperasi. Ruangan ini tidak perlu diisi sekiranya syarikat tidak pernah beroperasi sejak ditubuhkan.
Walaupun ruangan ini adalah TIDAK mandatori buat masa ini.

2.2 Company's change of year end

- a. *For company which has change in financial year end, say from June to December, is it the normal procedure to notify the unit pengesanan by submitting form CP204B and directors' resolution?*

Jawapan LHDNM

- i. Sebarang pertukaran tempoh perakaunan hendaklah dilaporkan kepada LHDNM melalui Borang CP204B secara manual yang perlu dikemukakan kepada Pusat Pemprosesan Maklumat dan **bukannya** kepada Unit Pengesanan Cawangan. Ini membolehkan perekodan dilakukan melalui sistem.
- ii. Pengeluaran Notis Tindakan Pendakwaan atau Taksiran Anggaran di bawah peruntukan subseksyen 90(3) ACP 1967 akan mengambil kira perubahan tempoh perakaunan yang telah dilaporkan dalam Borang CP204B. Jika pembayar cukai telah melapor dan menghantar CP204B

tetapi rekod masih belum dipinda di dalam sistem LHDNM, LHDNM akan menggunakan maklumat yang lama.

- b. *Why is it that IRB still issue Form J after the due date for June year end submission is due?*

Jawapan LHDNM

Bagi kes ini, pembayar cukai boleh membuat rayuan ke cawangan dan taksiran akan dipinda.

2.3 Appeal for lower tax estimate (less than 85% of prior year tax estimate) for company

Appeal for lower tax estimate for company in the midst of downsizing its business operations getting more complicated and time consuming. In the circumstance where the first appeal for lower estimate is not approved and the company wishes to submit further appeal, it leads to another round of appeal process. The process is very lengthy and if approval is not receive before the first monthly instalment, tax payer need to proceed with tax instalment payment. Again, it burdens the tax payer. In view of this, we would appreciate if the IRB could expedite the process of approval with regards to appeal for lower tax estimate.

Jawapan LHDNM

- i. Pihak Pusat Pemprosesan Maklumat (PPM) meletakkan keutamaan kepada kes-kes rayuan. Kesemua surat rayuan yang diterima akan diproses dengan teliti agar setiap kes dipertimbangkan dengan sewajarnya. Surat rayuan akan diselesaikan dalam tempoh 14 hari

bekerja dari tarikh penerimaan. Walau bagaimana pun, perkara berikut perlulah diberikan perhatian :

- (a) Surat rayuan hendaklah dikemukakan 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas syarikat iaitu tarikh penghantaran CP204. (Subseksyen 107C (2))
 - (b) Surat rayuan perlu dikemukakan bersama-sama CP204 yang lengkap.
 - (c) Sekiranya CP204 telah dikemukakan secara e-filing, surat rayuan perlulah dikemukakan 30 hari sebelum bermula tempoh asas syarikat.
 - (d) Surat rayuan mestilah menyatakan amaun yang ingin dimohon dengan jelas dan menerangkan alasan serta dilampirkan bersama-sama dokumen sokongan yang relevan dan menyokong alasan yang dikemukakan. (*Garis Panduan LHDNM Bil. 2/2008 - Mengemukakan Anggaran Cukai Kurang Daripada Amaun Minimum Yang Ditetapkan Di Bawah Subseksyen 107C(3) Akta Cukai Pendapatan 1967*)
 - (e) Surat rayuan, dokumen sokongan dan borang CP204 perlulah dihantar secara terus ke PPM dan bukannya ke cawangan.
- ii. Namun demikian, pihak PPM menerima maklum balas ini dan akan memastikan kes-kes yang diterima diselesaikan dalam tempoh 14 hari bekerja.

2.4 **Unable to offset refund from prior year(s) against future tax payment**

A company intended to offset its tax credit in account against estimated tax payable (i.e. e-CP204/ e-CP204A) for the immediate year of assessment due to cash flow issue. We were informed that this practice is not encouraged due to the significant amount of tax refund (Approximately 300K) and the company has to apply for tax refund instead. Tax refund application has been submitted and as at to-date, the company has yet to receive the said refund. In view of this, we would appreciate if the IRB could clarify is there any limit of tax credit for application of tax offset?

Jawapan LHDNM

- i. Bayaran balik lebihan kredit akan dibuat secara automatik kepada pembayar cukai dalam tempoh **30 hari bekerja** dari tarikh penghantaran Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP).
- ii. Permohonan perlu dibuat kepada Cawangan Pungutan atau Unit Pungutan cawangan LHDNM yang berkenaan jika baki lebihan kredit cukai ingin digunakan untuk menjelaskan:
 - (a) Ansuran di bawah seksyen 107B/107C yang belum luput tarikh bayaran bagi tahun taksiran semasa dan tahun taksiran berikutnya; atau
 - (b) Cukai syarikat lain dalam kumpulan yang sama . Rujukan: Garis Panduan Operasi 2/2010 bertarikh 30/12/2010.

2.5 Instalment payment made to-date not updated in e-filing system

A company had fully settled the tax instalment payment in accordance to e-CP204 submitted and subsequently, submitted a higher estimate in the 9th month of basis period, e-CP204A. The amount of tax paid is not updated nor can it be amended in the e-filing system. The presentation is confusing as it is not in accordance with the company's record. In order to avoid unnecessary confusion to tax payer, the e-filing system should be able to link with the tax instalment made during the period.

Jawapan LHDNM

Sistem e-filing akan mengambilkira bayaran ansuran cukai. Ketidaktepatan berlaku sekiranya kod atau tahun taksiran yang dimasukkan adalah tidak betul.

2.6 Indemnity letter

For employer that request tax refund cheque to be send direct to employer instead of expatriates, an indemnity letter will be submitted to relevant IRB assessment branch. We submitted indemnity letter for a list of expatriates that under tax refund status for our client right after our submission of tax return form. Our expectation is the tax refund for respective expatriate will be issued under employer name (the company). Upon receiving the refund cheques, we noticed that the tax refund cheques still issue under expatriates name. We are in the view that the refund didn't process in accordance to the indemnity letter submitted earlier on. Hence, we need to liaise with officer in cawangan pungutan , return the refund cheque and re-submit the indemnity letter for re-issue of tax refund cheque.. Again, it takes time for IRB to reprocess the refund and result in dissatisfaction from the employer.

In view of this, we would appreciate the tax authority could take note on the indemnity letter submitted by the employer and process the tax refund accordingly to avoid unnecessary delay.

Jawapan LHDNM

- i. Bayaran balik secara automatik tidak terpakai untuk expatriate. Pendekatan yang telah diambil oleh cawangan adalah dengan mengeluarkan CP531X bagi meminta syarikat mengemukakan indemnity letter sebelum bayaran balik diproses. Sekiranya indemnity letter lewat diterima oleh cawangan, bayaran balik akan diproses atas nama expatriate. Cawangan perlu mematuhi Piagam Pelanggan memproses bayaran balik yang telah ditetapkan bagi mengelakkan pampasan dikenakan.*
- ii. Bagi tujuan bayaran balik, indemnity letter perlu dihantar ke Unit Bayaran Balik di cawangan yang berkenaan.*

2.7 CP 21 Leaver Form

Section 83(4) of the Income Tax 1967 "Where an individual chargeable to tax in respect of income in respect of gains or profits from an employment is to the knowledge of his employer about to leave or intending to leave Malaysia for a period exceeding three months, the employer shall not less than one month before the expected date of departure give written notice of the individual's departure to the Director General. In practice, we should submit in CP21 Form when we are doing passport verification. We are facing difficulties to submit in completed CP21 leaver form due to the details of emoluments had not been finalized by the employer. In this respect, we would like to seek clarification,

whether it is acceptable to IRB to submit CP21 leaver form based on estimated figures and revised the CP21 leaver form upon obtaining finalize amount? Or we can submit in CP21 leaver form once the emoluments are finalized?

Jawapan LHDNM

- i. Setiap majikan hendaklah mematuhi peruntukan subseksyen 83(4) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967). Kegagalan mematuhi subseksyen 83(4) ACP 1967 boleh menyebabkan tindakan di bawah perenggan 120(1)(c) ACP 1967 diambil terhadap majikan.
- ii. LHDNM tidak membenarkan pelaporan amaun berdasarkan anggaran.

2.8

Form C – YA 2015
<i>Section P18: Jumlah Pinjaman Kepada Pengarah</i>
<i>Section P19: Jumlah Pinjaman Daripada Pengarah</i>
<p><i>Which of the followings should be included in P18 and P19?</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - <i>The total advances to/from the director for the current financial year (excluding opening balances B/F)</i> - <i>The closing balance of the director’s account as at the financial year end</i> <p><i>What is the main purpose for having such information to be filled in the Form C?</i></p>

Jawapan LHDNM

Amaun yang perlu diisi dalam Ruangan P18 dan P19 adalah jumlah seperti dilaporkan dalam Kunci Kira-Kira. Sila rujuk keterangan dalam Buku Panduan Borang Nyata Syarikat di Portal Rasmi LHDNM > Borang > Borang Nyata > Syarikat > 2015

2.9 **GST Expenses** arising from the following:

- (a) Blocked Input Tax
- (b) Claimable Input Tax but not claimed
- (c) GST Adjustment e.g. gift rule

Are they tax deductible under Income Tax Act?

Jawapan LHDNM

Layanan cukai bagi GST akan dimaklumkan selepas keputusan polisi diperolehi yang dijangkakan selepas pengumuman Bajet 2016 pada 23.10.2015.

2.10

Month	Balance B/F	Advance	Loan/Repayment	Balance C/F
	RM	RM	RM	RM
Nov-14	150,300.00		10,000.00	140,300.00
Dec-14	140,300.00	75,000.00	10,000.00	205,300.00
Jan-15	205,300.00	350,000.00	10,000.00	545,300.00
Feb-15	545,300.00		750,000.00	(204,700.00)
Mar-15	(204,700.00)	500,000.00	10,000.00	285,300.00
Apr-15	285,300.00	125,000.00	10,000.00	400,300.00
May-15	400,300.00	95,000.00	10,000.00	485,300.00
Jun-15	485,300.00			485,300.00
Jul-15	485,300.00	115,000.00		600,300.00
Aug-15	600,300.00		35,000.00	565,300.00
Sep-15	565,300.00		35,000.00	530,300.00
Oct-15	530,300.00		90,000.00	440,300.00
Total		1,260,000.00	970,000.00	

The overdraft facilities was obtained in this month

Month	Interest Expenses	Balance C/F
	RM	RM
Nov-14		-
Dec-14		-
Jan-15		-
Feb-15		-
Mar-15	2,500.00	950,000.00
Apr-15	3,410.25	985,015.00
May-15	2,871.36	901,750.00
Jun-15	3,520.00	850,377.25
Jul-15	3,811.95	985,000.34
Aug-15	3,019.50	850,136.11
Sep-15	1,684.10	560,711.32
Oct-15	4,001.65	911,001.35
Total	24,818.81	

a. How to apportion the balance of the aforesaid director's current account for the purposes of S.33(2) and S.140B, ITA 1967?

Jawapan LHDNM

Peruntukan seksyen 140B, ACP hanya terpakai jika pinjaman/pendahuluan diberikan oleh syarikat kepada pengarah dibiayai dana dalaman. Dalam senario yang diberikan, pinjaman / pendahuluan yang diberikan kepada pengarah berpunca daripada pinjaman dari luar, maka peruntukan seksyen 140B, ACP tidak terpakai. Walau bagaimanapun, sekatan di bawah subseksyen 33(2), ACP **adalah terpakai**. Kaedah untuk menentukan sekatan faedah, perlu merujuk kepada Ketetapan Umum Bil. 2/2011- Perbelanjaan Faedah dan Sekatan Faedah.

b. Is there any overlapping of tax in this case?

Jawapan LHDNM

Tidak ada

3. Hal-Hal Lain

3.1 Isu-Isu Tambahan daripada Ejen Cukai

3.1.1 Isu berkaitan dengan perkara 2.1(a) dibangkitkan di mana ejen cukai mencadangkan bagi syarikat-syarikat telah beroperasi melebihi 10 tahun, syarikat tersebut diberi pengecualian dalam mengisi maklumat tarikh mula

beroperasi. Hanya syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan kurang daripada 10 tahun diwajibkan untuk mengisi maklumat tersebut.

Jawapan LHDNM

Isu yang dibangkitkan akan diberikan jawapan setelah mendapat pengesahan daripada pihak Ibu Pejabat.

- 3.1.2 Ejen cukai turut membangkitkan berkenaan dengan Syarikat Pemegang Pelaburan (IHC) di mana syarikat tersebut tidak menjalankan perniagaan. Pengesahan adakah tarikh mula beroperasi bagi syarikat tersebut adalah sama dengan tarikh semasa pelaburan dilakukan.

Jawapan LHDNM

Isu yang dibangkitkan akan diberikan jawapan setelah mendapat pengesahan daripada pihak Ibu Pejabat.

- 3.1.3 Ejen cukai turut mencadangkan beberapa perkara iaitu :

- i. Borang CP 204, CP 204A dan CP204B boleh dibuat melalui *online* supaya ia dapat mengurangkan masa pemprosesan.

Jawapan LHDNM

Mulai Tahun 2016, semua syarikat diwajibkan untuk mengemukakan CP204 dan CP204A melalui e-Filing. Pindaan kepada Subsekyen 83(1B) Akta Cukai Pendapatan 1967.

- ii. Pihak ejen cukai tidak pernah menerima surat pengesahan penerimaan borang CP 204B dari PPM. Sehubungan itu, ejen cukai mencadangkan surat pengesahan penerimaan borang dihantar kepada pembayar cukai.

Jawapan LHDNM

Isu yang dibangkitkan akan diberikan jawapan setelah mendapat pengesahan daripada pihak Ibu Pejabat.

3.2 Pemakluman daripada Cawangan Seliaan Pejabat Pengarah Negeri Sarawak

3.2.1 Pengarah Cawangan Kuching mengingatkan semua ejen cukai bahawa surat pelantikan perlu dikemukakan semasa berurusan dengan LHDNM . BNCP seharusnya dihantar terus ke Pusat Pemprosesan Maklumat.

3.2.2 Pihak ejen cukai dinasihatkan untuk mengemukakan maklumat atau dokumen yang lengkap kepada pegawai audit dan bukan menghantar maklumat/dokumen sedikit demi sedikit kerana ia akan melambatkan proses pengauditan.

3.2.3 LHDNM tidak lagi menggunakan *system franking* untuk menyetem dokumen yang dikenakan duti pada kadar ad valorem. Sehubungan itu, penggunaan Sistem Stamps adalah digalakkan.

3.2.4 Pengarah Cawangan Bintulu memaklumkan bahawa ejen cukai tidak peka ke mana saluran maklumat yang sepatutnya di hantar. Sebagai contoh maklumat-maklumat berikut sepatutnya dihantar ke Pusat Pemprosesan Maklumat dan bukannya ke Cawangan :

- a) Borang Nyata (Asal)
- b) Maklumat tentang Pertukaran Tempoh Asas Syarikat dan Pertukaran Pengarah Syarikat.
- c) Cek Bayaran perlu disalurkan ke Kaunter Bayaran di Pusat Bayaran Kuching dan bukan ke Cawangan.

3.2.5 Borang Nyata Terpinda sepatutnya dihantar ke Cawangan di mana fail pembayar cukai dikendalikan.

4. Penutup

- i. Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas perbincangan dalam dialog ini. Pengerusi memaklumkan isu-isu yang dibangkitkan akan diberikan jawapan setelah mendapat pengesahan daripada pihak Ibu Pejabat. Beliau turut menasihati ejen cukai untuk memberi nasihat yang betul kepada pembayar cukai.
- ii. Wakil persatuan dan ejen cukai turut mengucapkan terima kasih di atas kerjasama LHDNM memberikan jawapan kepada isu-isu yang dikemukakan.

Mesyuarat ditamatkan pada jam 11.45 pagi.

Disediakan oleh :

Urusetia PPN Sarawak